

RELIGIOSITY AND CAREER CHOICE IN THE HOTEL INDUSTRY AMONG MALAYSIAN MUSLIM STUDENTS: A TEST OF RELIABILITY AND VALIDITY

PENGUJIAN KEMAMPUAN KEPERCAYAAN DAN KESEKINAN TERHADAP HUBUNGAN DI ANTARA KETAQWAAN DAN PEMILIHAN KERJAYA INDUSTRI PERHOTELAN DI KALANGAN PELAJAR MUSLIM MALAYSIA

Muhd Aminuddin Azizanⁱ, Reezlin Abd Rahmanⁱⁱ & Aswady Ismailⁱⁱⁱ

ⁱ Pensyarah, Unit Operasi Perhotelan, Kolej Komuniti Sungai Petani. amzizan1986@gmail.com

ⁱⁱ (*Corresponding author*). Pengarah, Kolej Komuniti Baling. riezman_kksp@yahoo.com

ⁱⁱⁱ Pensyarah, Unit Kulineri, Kolej Komuniti Sungai Petani. aswadysmile@yahoo.com

Abstract	<p><i>The problem of religiosity in the career choice of Hospitality students is an issue in human resource development in Malaysia. This is due to the high turnover rate seen to occur in the Malay Muslim community. The contradict between the need to work and continue living with strong religious beliefs is seen to limit career choices in this field of Hospitality. This study was conducted to determine the research question items accepted through reliability and validity testing. The respondents of the study were 200 final year students in eight public institutions of higher learning related to the field of hospitality in Malaysia. The research methodology based on cross-sectional data collection was tested by reflective model. Validity and validity testing involving internal methods of consistency reliability, covergent validity and discriminant validity is intended to obtain items that can be used for the purpose of hypothesis testing. Testing using SEM PLS statistical testing through SmartPLS software was used to validate the constructed items. The test findings confirmed 38 question items for three independent variable factors and one dependent was accepted for hypothesis testing.</i></p> <p>Keywords: <i>Religiosity, Career, Choice, Hospitality, Industry.</i></p>
Abstrak	<p><i>Masalah ketaqwaan dalam pemilihan kerjaya pelajar Hospitaliti merupakan isu dalam pembangunan sumber manusia di Malaysia. Ini berikutan dengan kadar pusing ganti yang tinggi dilihat berlaku pada golongan melayu yang beragama Islam. Pertembungan diantara keperluan untuk bekerja dan meneruskan kehidupan dengan pegangan agama yang kuat dilihat membataskan pemilihan kerjaya dalam bidang Hospitaliti ini. Kajian ini dilakukan untuk menentukan item soalan kajian diterima melalui pengujian kebolehpercayaan dan keesahan. Responden kajian sebanyak 200 pelajar tahun akhir di lapan institusi pengajian tinggi awam yang berkaitan dengan bidang hospitaliti di Malaysia. Pengujian menggunakan pengujian statistik SEM PLS menerusi perisian SmartPLS telah digunakan bagi mengesahkan item yang dibina. Metodologi kajian yang berdasarkan kutipan data secara keratan rentas telah dibuat pengujian secara model reflektif. Pengujian kebolehsahan dan keesahan melibatkan kaedah Kebolehpercayaan konsistensi dalaman, kesahan rahsia dan kesahihan diskriminasi adalah bertujuan untuk mendapatkan item yang boleh digunakan bagi tujuan pengujian hipotesis. Penemuan pengujian telah mengesahkan 38</i></p>

	<i>item soalan bagi tiga faktor pemboleh ubah tidak bersandar dan satu bersandar diterima untuk dijalankan pengujian hipotesis.</i>
--	---

	Kata kunci: <i>Ketaqwaan, Pemilihan, Kerjaya, Industri, Perhotelan.</i>
--	---

PENGENALAN

Industri perhotelan telah berkembang dengan pesat dan menjadi salah satu penyumbang utama di dalam industri pelancongan dunia. Industri ini turut menjadi penyumbang kedua terbesar kepada pendapatan sesebuah negara dari segi pertukaran kadar mata wang asing ke dalam negara. Hal ini terbukti apabila selama lebih enam dekad industri ini telah berevolusi menjadi industri yang paling cepat membangun dan menjadi sektor yang terbesar di dunia (Langford & Weissenberg, 2018). Industri perhotelan antarabangsa menunjukkan kadar pertumbuhan yang tinggi berbanding dengan ekonomi perdagangan dunia lain yang mewakili 7 peratus daripada eksport barangan dan perkhidmatan dunia pada tahun 2015 dan telah meningkat sebanyak 1 peratus berbanding dengan tahun 2014 (UNTWO, 2018).

Peningkatan ini juga sejajar dengan perkembangan industri perhotelan di Malaysia yang turut sama menyumbang terhadap pertumbuhan ekonomi negara dengan mencatatkan peningkatan sebanyak 14.9 peratus dari tahun 2005 hingga 2017 (Department of Statistics Malaysia, 2018). Peningkatan ini berlaku disebabkan oleh terjadinya peningkatan jumlah pelancong asing melancong di negara Malaysia. Namun begitu, industri ini memerlukan sokongan teguh bukan hanya dari aspek sumbangan modal, tetapi lebih penting dalam aspek sumber manusia.

Refleksi kepada keperluan terhadap sumber manusia, permintaan dan penawaran kerjaya dalam bidang perhotelan memerlukan kelayakan dan taraf pendidikan yang setaraf dengan kemahiran yang diperlukan dalam industri. Setiap jawatan yang ditawarkan oleh industri memerlukan kemahiran dan pengetahuan yang berbeza bergantung kepada tugas dan jawatan tersebut. Keperluan ini tidak terkecuali kepada graduan Institusi Pengajian Tinggi Awam dan swasta yang mana semakin hari mendapat tempat dan perhatian dari industri perhotelan (Utusan Online, 2015). Permintaan terhadap bidang ini akan mewujudkan peluang pekerjaan kepada para graduan bagi mengisi permintaan dan kekosongan jawatan yang ditawarkan di dalam industri perhotelan sebagai kerjaya dalam kehidupan.

PENYATAAN MASALAH

Kerjaya di dalam industri perhotelan mempunyai cabaran yang sangat kritikal dari aspek pemilihan kerjaya. Chuang et al (2007) serta Mohamad et al (2019) menyatakan, graduan yang memasuki industri perhotelan akan meninggalkan industri tersebut antara tiga hingga lima tahun tempoh perkhidmatan oleh beberapa faktor yang tertentu. Perkara ini secara langsung dan tidak langsung akan memberi kesan yang negatif kepada pihak industri dalam mendapatkan tenaga kerja mahir. Kekurangan sambutan untuk bekerja di dalam bidang perhotelan di Malaysia menjadi suatu kemusykilan kenapa terjadinya masalah ini. Berdasarkan kepada laporan yang telah dikeluarkan oleh Persatuan Hotel Malaysia masih terdapat isu kekurangan pekerja dalam sektor perhotelan di Malaysia. Statistik menunjukkan bahawa seramai 1700 orang pekerja diperlukan untuk memenuhi jawatan dalam sektor perhotelan di Melaka (Malaysia Aktif, 2016). Selain itu, pihak hotel juga melaporkan terdapat pusing ganti pekerja yang tinggi di dalam industri perhotelan. Berdasarkan kepada laporan statistik yang telah dikeluarkan oleh Persekutuan Majikan Malaysia kadar pusing ganti pekerja dalam sektor perhotelan adalah 65.7 peratus (Zainol et al., 2015). Zahari et al (2010) mendapati faktor gaji, perkembangan kerjaya dan juga suasana kerja menjadi pendorong pekerja hotel untuk berhenti. Amalan atau suasana kerja dalam industri yang tidak sesuai dengan penghayatan agama mereka dikatakan menjadi salah satu sebab menyebabkan ramai graduan yang tidak kekal dalam industri (Yaacob & Ramli, 2004).

Tambahan lagi, suasana kerja yang tidak menepati persekitaran kerja (Mohamad et al., 2019; Ninggal et al., 2021) serta kehendak amalan dalam penghayatan agama berlaku seperti isu larangan pemakaian tudung dalam kalangan pekerja hotel. Manakala Ahmad et al (2014) juga turut mengenal pasti di antara faktor dan sebab yang mempengaruhi pekerja meninggalkan atau keluar daripada bidang perhotelan adalah disebabkan oleh faktor pemakaian yang tidak menepati etika kod pemakaian wanita Muslim.

Graduan Muslimah yang lebih mementingkan nilai-nilai agama dalam kehidupan hasil daripada didikan ibubapa dan memiliki tahap religiositi yang tinggi dari segi pegangan akidah dilihat berkemungkinan akan cuba untuk memilih bidang lain selain daripada memasuki industri perhotelan yang dilihat pada mereka boleh mengganggu gugat pegangan mereka terhadap agama. Penyajian minuman keras atau arak ini menjadi isu penyumbang dan menghimpit bakal pekerja beragama Islam yang ingin memasuki industri perhotelan. Ironinya, kebanyakan hotel bertaraf lima bintang dan berstatus antarabangsa menawarkan minuman beralkohol sebagai salah satu daripada menu makanan dan minuman di restoran mereka. Isu yang telah lama ini, dikenal pasti dan sentiasa hangat dibincangkan sekitar tahun 2005 hingga sekarang yang berlaku bukan sahaja tertumpu kepada menghidang minuman arak tetapi juga melibatkan penggunaan arak sebagai bahan tambahan di dalam hidangan dan juga sebagai penambah perisa makanan tersebut (Jamaludin & Ramli, 2011).

Berdasarkan kepada beberapa isu dan permasalahan diatas, pengkaji cuba untuk merungkaikan bahawa ketiga-tiga isu penyumbang kepada masalah pemilihan kerjaya tersebut merupakan isu yang sangat menyentuh sensitiviti keagamaan dalam kalangan penganut agama Islam dan tergolong di dalam isu agama dan tidak dapat ditoleransikan (Yaacob & Ramli, 2004). Ketiga-tiga isu iaitu: (i) amalan dan suasana kerja; (ii) penyajian minuman dan makanan haram serta; (iii) isu keselamatan sosial diabaikan menyumbang kepada faktor religiositi. Jika di rujuk kepada faktor-faktor ini, ianya amat bertepatan kepada tiga elemen utama di dalam ilmu Islam iaitu elemen akidah ataupun tauhid, syariat ataupun feqah dan akhlak ataupun ehsan yang merupakan tunjang dan pegangan penganutnya (Hamid et al, 2015).

Didasari oleh ketiga-tiga elemen inilah, maka penghayatan seseorang itu terhadap agamanya akan menentukan tingkah lakunya yang baik serta positif (Hamid et al., 2015). Seseorang yang memiliki tahap religiositi yang tinggi akan bertegas untuk melawan sesuatu atau mengelak untuk memilih kerjaya yang bercanggah dengan agamanya. Manakala bagi individu yang mempunyai tahap religiositi yang rendah, mereka terpaksa mengikut peraturan walaupun bercanggah dengan agamanya (Idris et al., 2012; Duffya & Blustein, 2005) dan berlaku penentangan dalam diri.

Kerisauan graduan untuk memasuki industri perhotelan mungkin di dasari oleh faktor religiositi (penghayatan agama) yang secara hakikinya membentuk kehidupan dan keperibadian seseorang manusia. Refleksi kepada kenyataan (Hamid et al., 2015) iaitu religiositi merupakan satu amalan keagamaan yang diamalkan secara menyeluruh dan merangkumi pelbagai aspek kehidupan termasuk dalam aspek pemilihan kerjaya, ianya perlu didasari oleh sejauh mana seseorang itu dapat menghayati kehendak agama Islam tersebut.

Setiap individu memiliki tahap religiositi yang berbeza bergantung kepada cara hidup dan latar belakang pendidikan agama yang telah diterapkan dalam diri individu melalui ilmu dan pengalaman serta tunjuk ajar dari ibu bapa, guru, keluarga dan masyarakat bertunjangkan agama. Hal ini memberi makna yang tegas bahawa bagi individu yang beragama Islam dan memiliki tahap penghayatan agama yang tinggi, pemilihan kerjaya yang dibuat akan berlandaskan kepada al-Quran dan al-sunnah supaya rezeki yang diperoleh diberkati oleh Allah s.w.t.

Berdasarkan kepada beberapa isu dan masalah yang diketengahkan serta melihat kepada kepentingan religiositi terhadap tingkah laku, instrumen dibina bagi melihat respon dari persepsi pelajar dalam menghadapi situasi yang ditempuh dalam pemilihan

kerjaya mereka. Bagi menjawab kemusykilan tentang apakah faktor religiositi ini merupakan faktor utama yang mendorong pelajar untuk tidak memilih pekerjaan dalam bidang perhotelan?, maka pengujian kebolehpercayaan dan keesahan instrumen perlu dijalankan pengujian terlebih dahulu. Justeru, pengujian instrumen melalui kaedah SEM PLS menerusi perisian SmartPLS telah dijalankan. Objektif pengujian adalah untuk mendapatkan pengesahan instrumen melalui proses *Confirmatory Factor Analysis* dan *reliability test* bagi meneruskan pengujian menjawab hipotesis kajian.

SOROTAN KAJIAN

Konsep Religiositi (Penghayatan Agama)

Secara umumnya, perkataan religiositi merupakan satu istilah yang diterjemahkan daripada perkataan penghayatan agama. Dewan Bahasa Pustaka (2017) mengistilahkan penghayatan sebagai satu perkataan yang terbit dari kata dasar iaitu hayat dan bermaksud hidup dalam Bahasa Arab. Manakala penghayatan boleh ditakrifkan sebagai proses mendalami atau menjiwai sesuatu perkara yang boleh dilakukan dengan cara mendengar, melihat dan membaca (Ismail et al., 2010). Secara khususnya pula istilah religiositi adalah berbeza berdasarkan kepada setiap pengamalan agama di dunia ini seperti perbezaan dari perspektif barat khususnya agama Kristian dan juga perspektif agama Islam.

Konsep agama Islam pula menterjemahkan religiositi sebagai satu cara hidup. Cara hidup tersebut menurut Ismail, Ahmad dan Mansor (2010) dikenali sebagai satu proses dalam melaksanakan amalan berdasarkan kepada perintah Allah dan ajaran agama Islam. Amalan dan aktiviti yang dilaksanakan ini bukan sahaja melibatkan amalan secara fizikal sahaja malahan melibatkan aktiviti dan amalan secara rohani (Ahmad & Ismail, 2010). Manakala menurut al-Qardhawi dan Jerlun (1984) pula, religiositi dapat ditakrifkan sebagai satu keadaan seseorang dalam menghayati nilai-nilai agama Islam serta sentiasa berusaha untuk mengamalkan nilai tersebut sehinggakan berupaya meresap ke dalam hati seseorang. Seterusnya apabila sesuatu nilai yang diamalkan secara keseluruhannya berjaya meresap ke dalam hati seseorang, maka akan lahirlah sebuah jiwa yang tenang dan tenteram. Hamid et al. (2015) dalam kajian mereka yang telah meneroka konsep tiga dimensi dalam religiositi yang mencadangkan dimensi akidah, syariah dan akhlak dalam amalan umat islam dijadikan sebagai faktor penyumbang kepada penghayatan agama.

Akidah

Akidah merupakan satu pegangan dan kepercayaan yang wujud antara diri individu dengan Pencipta (Muda & Ali, 2015). Manakala menurut Ani dan Hashim (2016), akidah adalah satu kontrak perjanjian yang berlaku di antara Allah s.w.t dengan manusia tanpa wujudnya sebarang keraguan di dalam diri manusia tersebut. Pengkaji melihat akidah bagi skop kajian ini boleh disifatkan sebagai satu keyakinan dan kepercayaan yang lahir dari dalam diri manusia. Kepercayaan ini berpaksikan kepada enam teras utama iaitu kepercayaan kepada Allah s.w.t., kepercayaan kepada malaikat, kepercayaan kepada Rasul, kepercayaan kepada hari kiamat dan kepercayaan kepada qada dan qadar. Kepercayaan ini hadir dengan sepenuh jiwa raga tanpa hadirnya sebarang keraguan di dalam hati individu. Keyakinan dan kepercayaan ini akan menjadi elemen pendorong dalam melakukan pemilihan kerjaya di dalam bidang perhotelan.

Syariat

Syariat ditakrifkan sebagai satu panduan dalam kehidupan manusia yang diwahyukan oleh Allah s.w.t. kepada makhluknya sebagai ikutan dan peraturan di dalam menjalani kehidupan seharian (Mydin, 2003). Ani dan Hashim (2016) pula mendefinisikan syariat sebagai satu undang-undang yang meliputi keseluruhan aspek kehidupan manusia. Konteks kajian ini mentakrifkan syariat sebagai undang-undang yang menjadi satu ketetapan daripada Allah s.w.t. dan wajib dituruti oleh setiap manusia di dunia. Ketetapan ini melibatkan keseluruhan aspek kehidupan manusia berlandaskan kepada syarak termasuklah dalam melakukan pemilihan kerjaya. Hal ini berbeza dengan akidah yang

lebih bersifat dalaman iaitu berteraskan kepercayaan, tetapi syariat pula lebih bersifat luaran iaitu berteraskan kepada peraturan yang telah ditetapkan oleh Allah s.w.t. yang diwahyukan kepada Nabi Muhammad S.A.W. untuk sekalian umat.

Akhlak

Akhlak secara umumnya boleh difahami sebagai satu budi pekerti, telatah, gelagat serta kelakuan seseorang (Ismail & Jasmi, 2016). Secara khususnya akhlak diertikan sebagai satu sifat dan kelakuan positif yang dilakukan berpandukan kepada al-Quran dan al-Hadis (Yahya & Nasrun, 2016). Akhlak dalam konteks kajian ini dilihat sebagai tingkah laku atau perbuatan yang lahir daripada pegangan akidah dan syariat dalam diri individu. Tingkah laku ini merupakan sesuatu keadaan yang membuatkan seseorang yakin dan tidak berasa was-was terhadap tindakan yang akan dilakukannya termasuklah dalam proses pemilihan kerjaya.

Hubungan Religiositi dengan Kehidupan Manusia

Religiositi merupakan elemen penting dalam kehidupan individu kerana ia berupaya mempengaruhi personaliti, tingkah laku serta amalan dalam kehidupan seharian. Kenyataan ini menyokong kajian yang dijalankan oleh Kate, Koster dan Waal (2017) kerana dapatan kajian merungkai tentang faktor religiositi dapat membantu dan menyumbang kepada kepuasan dalam kehidupan individu.

Begitu juga dengan kajian oleh Abdullah et al (2015) di mana religiositi dilihat dapat mempengaruhi tingkah laku individu dalam perspektif hutang kewangan. Kajian ini dilaksanakan bagi mengenal pasti hubungan di antara religiositi dengan tingkah laku dalam berhutang. Kenyataan ini turut disokong oleh pandangan yang telah dikeluarkan oleh Moschis dan Ong (2011) bahawa religiositi berjaya mendorong seseorang untuk melakukan sesuatu perbuatan dari segi niat pengguna untuk membeli dan menggunakan sesuatu produk atau perkhidmatan. Kajian yang telah dijalankan oleh Moschis dan Ong (2011) mendapati religiositi merupakan satu komponen yang penting dan berupaya meramal tingkah laku pengguna berdasarkan kepada komitmen dan prinsip yang menjadi amalan dalam agama.

Industri Perhotelan

Industri perhotelan adalah satu industri yang menawarkan perkhidmatan terutamanya tempat penginapan atau kediaman dan makanan yang bersifat sementara kepada pengunjung dalam atau luar negara. Industri ini merupakan salah satu industri yang mendapat kadar tukaran wang asing yang tinggi (Sofi et al., 2020). Industri perhotelan boleh didefinisikan sebagai satu tempat yang menerima bayaran daripada pelancong atau pelanggan yang sedang mencari tempat penginapan sementara (Jabatan Pendidikan Kolej Komuniti, 2017). Bayaran yang diterima adalah berdasarkan kepada jenis perkhidmatan yang telah diberikan oleh pihak hotel. Manakala menurut Srivastava (2014) perhotelan boleh ditakrifkan sebagai sesuatu yang berkaitan dengan adab atau etika dan hiburan dan melibatkan penghormatan kepada pelanggan, menyediakan perkhidmatan mengikut kehendak dan keperluan pelanggan tanpa mengira latar belakang dan juga taraf kehidupan.

Manakala Attila (2016) pula mendefinisikan industri perhotelan sebagai sebuah organisasi yang menyediakan kemudahan penginapan secara bayaran dalam tempoh masa yang singkat. Keadaan ini dimana pelanggan adalah sedia maklum dan bersetuju serta mampu untuk membayar berdasarkan kepada setiap perkhidmatan yang diterima tanpa melibatkan perjanjian yang khusus. Antara perkhidmatan yang ditawarkan dalam industri perhotelan adalah seperti perkhidmatan makanan, perkhidmatan penginapan serta perkhidmatan pengurusan acara. Pengkaji melihat industri perhotelan dalam konteks kajian ini adalah sebagai satu medium kerjaya yang berpotensi kepada graduan institusi pengajian tinggi untuk dikembangkan sekiranya konsep industri perhotelan diubah kepada satu konsep mesra Muslim.

Pemilihan Kerjaya

Pemilihan kerjaya adalah satu kebolehan individu dalam memilih kerjaya yang dipengaruhi oleh beberapa faktor sama ada faktor dalaman atau faktor luaran (Ali et al., 2016). Manakala Kazi dan Akhlaq (2017) pula menjelaskan bahawa pemilihan kerjaya melibatkan beberapa proses penting dalam membuat sesuatu pemilihan yang tepat seperti proses dapatan maklumat, proses mentafsir, menyisih dan proses membuat keputusan.

Pengkaji pula melihat pemilihan kerjaya dalam skop kajian ini sebagai satu kemahiran dan keupayaan individu dalam mengurus sesuatu keputusan melibatkan lebih dari satu pilihan pekerjaan bersandarkan kepada beberapa faktor yang berupaya untuk mendorong dan mempengaruhi seseorang dalam melakukan pemilihan kerjaya. Terdapat banyak kajian terdahulu yang menunjukkan terdapat beberapa faktor mendorong dan mempengaruhi graduan dalam melakukan pemilihan kerjaya. Salah satu daripada faktor tersebut adalah disebabkan oleh faktor kerja yang fleksibel. Graduan lebih cenderung untuk memilih pekerjaan yang menawarkan fleksibiliti dari segi masa dan jadual. Namun begitu, pekerjaan di industri perhotelan dilihat tidak dapat memenuhi dan memberikan apa yang dikehendaki graduan. Isu penjualan dan penyalahgunaan arak, keengganan pihak pengurusan hotel untuk membenarkan pekerja menutup aurat serta gangguan seksual menyebabkan graduan yang memiliki nilai pegangan agama yang tinggi memilih untuk tidak bekerja di dalam industri perhotelan.

INSTRUMEN KAJIAN

Kajian ini telah melalui tiga proses utama sebelum item soalan yang lengkap diproses untuk pengujian Hipotesis. Sebanyak 280 set soalan telah diedarkan dan sebanyak 200 set soalan telah berjaya di kutip dari beberapa kolej teknikal kemahiran hospitaliti dari Institut Pengajian Tinggi Awam Malaysia. Proses kutipan data yang mengambil masa selama dua bulan telah berjaya dikutip dan dijalankan pengujian keesahan dan kebolehpercayaan.

PEMBANGUNAN INSTRUMEN KAJIAN

Soal selidik bagi kajian ini merangkumi soalan kajian yang terdiri daripada 3 bahagian utama iaitu pada bahagian A merupakan soalan yang lebih menjurus kepada aspek demografik responden manakala bahagian B adalah pemboleh ubah tidak bersandar yang mana soalan di bahagian ini terdiri daripada item bagi mengenal pasti maklum balas responden mengenai religiositi. Seterusnya, bahagian terakhir iaitu bahagian C memfokus kepada item soalan tertumpu kepada aspek pemilihan kerjaya dalam kalangan pelajar institusi pengajian tinggi sebagai pemboleh ubah bersandar. Setiap soal selidik yang telah dibangunkan menggunakan format soalan secara respon berstruktur iaitu jenis respon skala likert. Setiap susun atur jawapan adalah berskala dari skala 1 hingga skala 5 iaitu bermula dengan sangat tidak penting hingga sangat penting (McDaniel & Gates, 2012). Soal selidik di dalam kajian ini telah diadaptasi dan diolah berdasarkan beberapa kajian terdahulu berkenaan konsep religiositi serta pemilihan kerjaya. Ini adalah untuk memastikan kajian yang dijalankan adalah selari dengan konteks kajian tentang religiositi dalam pemilihan kerjaya di kalangan pelajar bidang perhotelan.

PENGUJIAN KEBOLEHPERCAYAAN DAN KEESAHAN

Dalam melakukan analisis kebolehpercayaan (*Reliability test*) dan faktor pengesahan (*Confirmatory Factor Analysis - CFA*), Model pengukuran reflektif (*Reflective Measurement Model*) digunakan. Pengujian ini dilakukan melalui empat parameter iaitu: (1) Kebolehpercayaan Konsistensi Dalaman (*Internal Consistency Reliability*), (2) Kebolehpercayaan Penunjuk (*Indicator Reliability*), (3) Konvergen (*Convergent Validity*) dan (4) Kesahan Diskriminasi (*Discriminant Validity*) (Hair, Ringle et al., 2011; Hair, Sarstedt, et al., 2011). Setiap variabel bagi kajian ini perlu mempunyai kesahan dan kebolehpercayaan dan perlu melepasi *factor loading 0.7*, nilai Kebolehpercayaan Komposit

tidak kurang 0.7, nilai *Cronbach Alpha* tidak kurang dari .6 dan nilai AVE mestilah melebihi .5 (Fornell & Larcker, 1981). Manakala kesahan diskriminan diterima apabila nilai *square root AVE* melebihi nilai kolerasi pembolehubah laten (Fornell & Larcker, 1981).

Jadual 1.0 menunjukkan hasil analisis kesahan dan kebolehpercayaan konstruk terhadap 26 item daripada 39 item bagi 4 konstruk yang telah diuji melalui Model Pengukuran Reflektif.

Jadual 1.0: Model Pengukuran Reflektif (*Reflective Measurement Model*)

<i>Latent Variable</i>	<i>Indicators</i>	<i>Loadings</i>	<i>Indicator Reliability</i>	<i>Composite Reliability</i>	<i>AVE</i>	<i>Cronbach Alpha</i>
Akidah	RA04	0.746	>.70	0.918	0.616	0.896
	RA10	0.718				
	RA11	0.760				
	RA12	0.858				
	RA13	0.761				
	RA14	0.812				
Syariat	RS07	0.825		0.891	0.621	0.847
	RS10	0.754				
	RS11	0.738				
	RS12	0.857				
	RS13	0.760				
Akhlak	RAK01	0.736		0.928	0.616	0.911
	RAK03	0.761				
	RAK05	0.739				
	RAK07	0.809				
	RAK10	0.792				
	RAK12	0.817				
	RAK13	0.847				
	RAK15	0.773				
Pemilihan Kerjaya	PK01	0.724		0.906	0.579	0.878
	PK07	0.746				
	PK08	0.760				
	PK10	0.839				
	PK11	0.738				
	PK13	0.725				
	PK14	0.789				

Hasil analisis terhadap kajian menunjukkan nilai Kebolehpercayaan Komposit melebihi 0.7 dan nilai *Cronbach's alpha* melebihi 0.6 yang merupakan aras paling minimum (Fornell & Larcker, 1981) bagi aras kebolehpercayaan item. Seterusnya, *factor loadings* atau *outer loadings* yang kesemua item di bawah 0.69 telah dibuang dan hanya item bernilai 0.7 keatas diterima dan tidak digugurkan. Oleh itu nilai *factor loadings* atau *outer loadings* antara 0.718 hingga 0.858 diterima di dalam kajian ini (Ramayah et al. 2016). Sebanyak 13 item soalan dari 4 variabel telah dibuang secara keseluruhannya dan menjadikan jumlah item yang diterima untuk diteruskan pengujian adalah sebanyak 26

item. Manakala, bagi pengujian *convergent validity*, nilai AVE adalah melebihi 0.5 (Fornell & Larcker, 1981) dan telah melepasi tahap *convergent validity*. Justeru, kebolehpercayaan yang tinggi dan kesahan item bagi kajian ini diterima.

Jadual 1.1: Jadual Fornell Larcker

	AKHLAK	AKIDAH	PEMILIHAN KERJAYA	SYARIAT
Akhlak	0.785			
Akidah	0.489	0.785		
Pemilihan Kerjaya	0.645	0.480	0.761	
Syariat	0.684	0.592	0.616	0.788

Dalam menguji *Discriminant Validity*, dua kriteria digunakan iaitu kriteria *Fornell-Larcker* (1981) dan kriteria *Cross loading* oleh Chin (1998). Fungsi kriteria *Fornell-Larcker* (Fornell & Larcker, 1981) adalah untuk menilai tahap konstruk berdasarkan dua prinsip iaitu melalui punca kuasa dua AVE dan *cross loading* lebih tinggi daripada konstruk masing-masing berbanding dengan konstruk lain. Jadual 4.4 diatas menunjukkan nilai-nilai yang mewakili nilai inter-korelasi antara konstruk dan nilai-nilai yang ditebalkan adalah mewakili nilai dari AVE. Nilai elemen inter-korelasi dilihat lebih rendah daripada nilai AVE menandakan kriteria Fornell dan Larker (1981) telah dipatuhi.

Jadual 1.2: Cross loadings

	AKHLAK	AKIDAH	PEMILIHAN KERJAYA	SYARIAT
PK01	0.532	0.439	0.724	0.561
PK07	0.496	0.302	0.746	0.483
PK08	0.487	0.366	0.760	0.456
PK10	0.500	0.383	0.839	0.465
PK11	0.450	0.275	0.738	0.362
PK13	0.461	0.356	0.725	0.413
PK14	0.496	0.407	0.789	0.506
RA04	0.399	0.746	0.403	0.450
RA10	0.338	0.718	0.287	0.330
RA11	0.403	0.760	0.392	0.520
RA12	0.393	0.858	0.384	0.514
RA13	0.365	0.761	0.357	0.476
RA14	0.319	0.812	0.347	0.410
RA15	0.445	0.831	0.435	0.512
RAK01	0.736	0.383	0.513	0.520
RAK03	0.761	0.471	0.492	0.466
RAK05	0.739	0.454	0.509	0.519
RAK07	0.809	0.307	0.520	0.523
RAK10	0.792	0.288	0.492	0.442
RAK12	0.817	0.413	0.558	0.584
RAK13	0.847	0.404	0.442	0.630
RAK15	0.773	0.347	0.506	0.607
RS07	0.564	0.476	0.528	0.825
RS10	0.537	0.470	0.424	0.754
RS11	0.469	0.343	0.426	0.738

RS12	0.650	0.522	0.494	0.857
RS13	0.472	0.503	0.534	0.760

Manakala fungsi *Cross Loading* oleh Chin (1998) melihat *outer loading* setiap item soalan dalam satu kumpulan pada sesuatu konstruk / variabel mestilah lebih tinggi daripada semua nilai *cross loading* konstruk / variabel lain dan berada di dalam kelompok konstruk / variabel. Berdasarkan Jadual 1.2 menunjukkan *cross loading* item berada di dalam kelompok dan lebih tinggi mengikut kelompoknya menandakan bahawa setiap item yang mewakili variabel-variabel telah mencapai *Discriminant Validity kajian ini*. Berdasarkan ujian kebolehpercayaan dan Keesahan, item-item soalan mengikut konstruk / variabel adalah seperti jadual-jadual di bawah.

Jadual 1.3: Hasil Analisis Faktor Akidah

Kod	Item-Item	Nilai Faktor
RA04	Mempercayai bahawa setiap tindakan dan tingkahlaku akan dibalas oleh Allah.	0.746
RA10	Kesedaran terhadap kewujudan Allah.	0.718
RA11	Percaya bahawa ajaran Rasulullah sesuai sepanjang masa.	0.760
RA12	Allah akan memberi rezeki kepada yang berusaha	0.858
RA13	Percaya bahawa takdir ditentukan oleh Allah	0.761
RA14	Percaya bahawa setiap amalan dicatat oleh Malaikat	0.812

Jadual 1.4 Hasil Analisis Faktor Syariat

Kod	Item-Item	Nilai Faktor
RS07	Peranan agama dalam membimbing pergaulan harian.	0.825
RS10	Menunaikan ibadat yang diperintahkan oleh agama	0.754
RS11	Menghadiri kelas keagamaan bagi meningkatkan kefahaman agama	0.738
RS12	Mengamalkan ajaran Islam bagi gaya hidup yang lebih baik	0.857
RS13	Memastikan pakaian sentiasa menutup aurat	0.760

Jadual 1.5 Hasil Analisis Faktor Akhlak

Kod	Item-Item	Nilai Faktor
RAK01	Menjauhkan diri dari mendapatkan pendapatan melalui cara haram (dilarang)	0.736
RAK03	Bersyukur di atas Kurniaan Makanan dan Minuman halal daripada Allah	0.761
RAK05	Mengelak perbuatan berbohong bagi mencapai sesuatu matlamat dalam kerjaya.	0.739
RAK07	Berusaha untuk menangani /menyelesaikan masalah kemungkar /maksiat yang berlaku	0.809
RAK10	Kepatuhan terhadap semua ajaran Islam khususnya yang berkaitan dengan urusan kehidupan	0.792
RAK12	Mempertingkatkan iman dengan melakukan amalan sunat	0.817
RAK13	Berdoa bagi memperolehi ketenangan dan perlindungan daripada Allah	0.847
RAK15	Sentiasa menjadi individu yang baik dengan mengamalkan ajaran agama	0.773

Jadual 1.6 Hasil Analisis Faktor Pemilihan Kerjaya

Kod	Item-Item	Nilai Faktor
PK01	Menjadikan ajaran Islam sebagai panduan utama dalam memilih sesuatu pekerjaan	0.724
PK07	Memilih industri perhotelan sekiranya pekerjaan ini tidak melibatkan penjualan produk yang haram dan memudaratkan	0.746
PK08	Memilih pekerjaan dalam sektor perhotelan yang memperoleh keuntungan dari sumber yang halal.	0.760
PK10	Memilih pekerjaan di dalam industri perhotelan yang tidak menghalang daripada menunaikan tanggungjawab sebagai seorang Muslim	0.839
PK11	Memilih pekerjaan di hotel yang memiliki persekitaran kerja yang kondusif	0.738
PK13	Memilih pekerjaan di dalam industri perhotelan yang tidak menghalang daripada memakai pakaian yang menutup aurat dan mengikut syarak	0.725
PK14	Memilih untuk bekerja di dalam industri perhotelan yang mengamalkan konsep patuh syariah	0.789

RUMUSAN

Berdasarkan kajian terhadap kebolehpercayaan dan keesahan item menggunakan perisian Smart PLS menunjukkan item telah melalui pengujian yang terperinci dengan melalui proses empat parameter iaitu: (1) *Internal Consistency Reliability*, (2) *Indicator Reliability*, (3) *Convergent Validity* dan (4) *Discriminant Validity* (Hair, Ringle, et al., 2011; Hair, Sarstedt, et al., 2011) dengan beberapa item telah dikeluarkan kerana tidak memenuhi kriteria dalam proses keempat parameter diatas. Seterusnya, item-item yang diterima dan terbukti kebolehpercayaan dan keesahan ini digunakan dalam analisis data bagi kajian Hubungan Di Antara Religiositi Dan Pemilihan Kerjaya Industri Perhotelan Di Kalangan Pelajar Muslim Kolej Komuniti Malaysia.

RUJUKAN

Buku

- Al-Qardhawi, Y. 1984. *Ke arah Perlaksanaan Syari'ah Islamiyyah yang Berkesan* (Terj. Jerlun, A. R). Shah Alam: Dewan Pustaka Fajar.
- Clark, V. L., & Creswell, J. W. 2015. *Understanding Research : A Consumer's Guide*. New York: Pearson.
- Ismail, A. M., & Jasmi, K. A. 2016. *Akidah dan Akhlak Dalam Pendidikan Islam*. Johor Bahru: Penerbit UTM Press.
- Jabatan Pendidikan Kolej Komuniti: JPKK. 2017. *Kurikulum Sijil Operasi Perhotelan*. Kuala Lumpur.
- Langford, G., & Weissenberg, A. 2018 *Travel and Hospitality Industry Outlook*. Deloitte Development LLC. <https://www2.deloitte.com/content/dam/Deloitte/us/Documents/consumer-business/us-cb-2018-travel-hospitality-industry-outlook.pdf>
- McDaniel, C., & Gates, R. 2012. *Marketing Research 9th Edition*. United States of America: John Wiley & Sons, Inc.
- Muda, A. L., & Ali, R. 2015. *Perbahasan Akidah Islam*. Kuala Lumpur: Pustaka Salam Sdn Bhd.
- Mydin, E. S. 2003. *Pengajian Islam*. George Town: Wawasan Open University.

Jurnal

- Ahmad, R., Rashid, B., & Shariff, N. M. 2014. *Malaysian Hospitality Industry: Graduates'justification For Leaving The Industry*. IJMS, 21(2): 1-20.
- Ahmad, W. I., & Ismail, Z. 2010. *Tahap Penghayatan Agama Warga Tua : Pengukuran Dan Persoalan Metodologi*. Journal of Islamic Dakwah, 2(2): 161-180.
- Ali, M. H., Ismail, A., Suleiman, N., & Tajuddin, M. A. 2016. *Faktor Pemilihan Kerjaya Dalam Kalangan Pelajar Universiti Kebangsaan Malaysia : Satu Panduan Untuk Industri*. Jurnal Personalia Pelajar, 19(2): 9-15.
- Ani, N. I., & Hashim, A. 2016. *Penghayatan Akidah Dalam Pengajaran Ayat Kefahaman Pengajian Al-Quran Di Kalangan Murid Tingkatan Empat Di SMKA Di Sabah*. Tinta Artikulasi Membina Ummah, 2(2): 45-54.
- Attila, A. T. 2016. *The Impact Of The Hotel Industry On The Competitiveness Of Tourism Destinations In Hungary*. Journal of Competitiveness, 8(4): 85-104.
- Chuang, N.-K., Goh, B. K., Stout, B. L., & Dellmann-Jenkins, M. 2007. *Hospitality Undergraduate Students' Career Choices And Factors Influencing Commitment To The Profession*. Journal of Hospitality and Tourism Education, 19(4): 28-37
- Duffya, R. D., & Blustein, D. L. 2005. *The Relationship Between Spirituality, Religiousness, And Career Adaptability*. Journal of Vocational Behavior, 67(3): 429-440.
- Fornell, C., & Larcker, D. F. 1981. *Evaluating Structural Equation Models With Unobservable Variables And Measurement Error*. Journal of Marketing Research, 18(1): 39-50.
- Hamid, S. A., Ishak, M. S., & Hashim, H. 2015. *Penghayatan agama (religiositi) dalam pembangunan keusahawanan*. Jurnal Pembangunan Sosial, 20: 51-62.
- Hair, J., Ringle, C. and Sarstedt, M. 2011. *PLS-SEM: Indeed a Silver Bullet*. Journal of Marketing Theory and Practice, 19: 139-151.
- Idris, K. M., Bidin, Z., & Saad, R. A. 2012. *Islamic Religiosity Measurement And Its Relationship With Business Income*. Jurnal Pengurusan, 34: 3-10.
- Kazi, A. S., & Akhlaq, A. 2017. *Factors affecting students' career choice*. Journal of Research and Reflections in Education, 2(2): 187-196.
- Kate, J. t., Koster, W. d., & Waal, J. v. 2017. *The Effect Of Religiosity On Life Satisfaction In A Secularized Context: Assessing The Relevance Of Believing And Belonging*. Review of Religious Research 59(2): 135-155.
- Moschis, G., & Ong, F. S. 2011. *Religiosity And Consumer Behavior Of Older Adults: A Study Of Subcultural Influences In Malaysia*. Journal of Consumer Behaviour: 10(1): 8.
- Mohamad, N. H., Salleh, M., & Ahmad, A. 2019. *Faktor Penentu Kepada Niat Berhenti Kerja Dalam Kalangan Pekerja Hotel Di Kuala Terengganu*. Journal of Business and Social Development, 7(1): 55-65.
- Ninggal, A., Rahman, I. B., & Aziz, A. B. 2021. *Turnover Phenomenon:Push Factors To To Leave The Organization*. Journal of Islamic, Social, Economics and Development (JISED): 195 - 210.
- Sofi, M. R., Bashir, I., Parry, M. A., & Dar, A. 2020. *The Effect Of Customer Relationship Management (CRM) Dimensions On Hotel Customer's Satisfaction In Kashmir*. International Journal of Tourism, 7(4), doi:10.1108/IJTC-06-2019-0075
- Yaacob, A. B., & Ramli, A. H. 2004. *Teori Pemilihan Kerjaya Dan Faktor-Faktor Mempengaruhi Pemilihan Kerjaya*. Jurnal Akademik UiTM Cawangan Johor, 4: 37-54.
- Yahya, S. A., & Nasrun, S. B. 2016. *Tahap Penghayatan Agama Dalam Kalangan Remaja Hamil Tanpa Nikah*. Jurnal Sains Sosial, 1(1): 17-35.
- Zainol, N., Rozali, A. R., Nordin, N., Tazijan, F. N., & Rashid, P. D. 2015. *Employees Dissastification And Turnover Crises: A Study Of Hotel Industry, Malaysia*. Social Science Research Network (SSRN).

Seminar & Prosiding

Abdullah, S., Sipon, S., Radzi, H. M., & Ghani, Z. A. 2015. *Stress And Religious Coping Among Flood Victims In Malaysia*. International Academic Conference Proceedings, 140: 605-608.

Jamaludin, M. A., & Ramli, M. A. 2011. *Isu Penggunaan Alkohol Dalam Penghasilan Produk Gunaan Semasa: Analisis Dari Perspektif Hukum Islam*. The Seminar on Islamic Law in Contemporary Society (ISLAC): 1-11

Laporan

UNTWO, W. T. 2018. World Tourism Organization 2017 Annual report. Madrid : World Tourism Organization (UNWTO).

Laman Sesawang

Department of Statistics Malaysia. 2018. <https://www.dosm.gov.my> (Diakses pada 23 Disember 2021)

Dewan Bahasa Pustaka (PRPM). 2017. <http://prpm.dbp.gov.my> (Diakses pada 23 Disember 2021).

Malaysia Aktif. 2016. Melaka kekurangan pekerja dalam bidang hospitaliti. <https://malaysiaaktif.my/> (Diakses pada 15 Disember 2021).

Utusan Online. 2015. Berita Nasional. <http://www.utusan.com.my> (Diakses pada 20 Disember 2021).

Penafian

Pandangan yang dinyatakan dalam artikel ini adalah pandangan penulis. Al-Qanatir: International Journal of Islamic Studies tidak akan bertanggungjawab atas apa-apa kerugian, kerosakan atau lain-lain liabiliti yang disebabkan oleh / timbul daripada penggunaan kandungan artikel ini.